

Konmam diskusi masalah penuntut

Rabu 6/01/2010 5/11 MP T 8



● Peserta yang hadir mendengar pembentangan kertas kerja pada Konmam yang berlangsung di UMT.

MENGABANG TELIPOT – Konvensyen Mahasiswa Melayu (Konmam) dilihat menjadi landasan terbaik bagi golongan penuntut institut pengajian tinggi (IPT) menjadi golongan pendesak dalam perkara yang berkaitan pendidikan anak Melayu.

Ini sebab, peluang itu dapat digunakan untuk berdiskusi mengenai permasalahan yang timbul sama ada membabitkan kepentingan pelajar Melayu di IPT mahupun kerosakan akhlak dalam kalangan mahasiswa, seterusnya mencari jalan penyelesaian terbaik.

Mahasiswa yang ditemui *Sinar Harian*, Siti Zahrah Zainuddin, 21, berkata, dengan adanya majlis sedemikian, secara tidak langsung menjadi medium terbaik buat pelajar menyalurkan permasalahan

mereka untuk dibincangkan secara bersama.

“Seharusnya diakui bahawa perhimpunan membabitkan penuntut di seluruh IPT mampu menggarap mahasiswa yang berkeeterampilan dan mempunyai daya saing tinggi dalam usaha memajukan kecemerlangan pendidikan.

“Selain itu, ia juga menjadi wadah perbincangan dalam kalangan mahasiswa Melayu bagi mengenal pasti peranan mereka dalam era globalisasi,” katanya.

Sementara itu, pada Konmam 2010 yang berlangsung di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini, ia berjaya menghimpunkan seramai 1,500 peserta.

Majlis yang penuh bermakna itu turut dihadiri mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Moha-

mad; Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Negara (Perkasa), Datuk Paduka Ibrahim Ali dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEPA) Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Madya Datuk Dr Ahmad Faiz Abdul Hamid yang turut bertindak sebagai pembentang kertas kerja bagi konvensyen kali ini.

“Seharusnya diakui bahawa perhimpunan membabitkan penuntut di seluruh IPT mampu menggarap mahasiswa yang berkeeterampilan dan mempunyai daya saing tinggi dalam usaha memajukan kecemerlangan pendidikan.”

- Siti Zahrah Zainuddin